

09/03/2004

Nakhaie sedia bertanding di Baling

BALING: Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Datuk Nakhaie Ahmad yang disebut-sebut antara calon kerusi Parlimen Baling, bersedia bertanding jika dikehendaki pucuk pimpinan.

Sambil menyerahkan nasibnya kepada kepemimpinan parti, Nakhaie, 61, berkata beliau akan memikul tanggungjawab itu sekiranya diberi kepercayaan.

"Saya sedia bertanding sekiranya dipilih oleh pucuk pimpinan dan berjanji akan menunaikan tanggungjawab itu demi perjuangan parti bagi merealisasikan martabat agama, bangsa dan negara," katanya.

Lulusan Universiti Kaherah itu dikatakan calon paling layak untuk menentang penyandang kerusi itu, Taib Azamuddin Mohd Taib dari Pas.

Nakhaie, bekas Naib Presiden Pas antara 1984 hingga 1988, bukan asing bagi penduduk kawasan itu kerana selain anak tempatan, beliau pernah menjadi Ahli Parlimen Baling pada tahun 1978.

Bagaimanapun, jika diturunkan di DUN Kupang, pertandingan dijangka lebih menarik kerana beliau akan berdepan dengan adiknya yang juga penyandang kerusi itu, Suhaimi Ahmad dari Pas.

"Saya menyertai Umno pada 1992 kerana tidak yakin lagi dengan perjuangan Pas sehinggalah saya menjadi AJK Biro Antarabangsa Umno pada tahun 1990," katanya.

Nakhaie yang menjawat jawatan Pengerusi Yadim pada tahun 2000 sehingga hari ini, berkata beliau tidak kisah sesiapa pun yang dipilih asalkan calon BN menang bagi semua kerusi yang dipertandingkan.

Katanya, beliau akan bersama-sama menguatkan jentera parti di Baling kali ini bagi merampas semula kerusi yang kalah kepada pembangkang.

"Saya yakin semua kerusi ini dapat dirampas semula oleh BN dan akan bekerja kuat demi agama, bangsa dan negara," katanya.

Beliau berkata semasa dalam Pas beliau mengutuk Umno tetapi selepas menyertai Umno beliau nampak dengan jelas kepemimpinan bekas Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad memperjuangkan Islam yang sebenar lebih daripada apa yang Pas perjuangkan.